

INDIKATOR EKONOMI: KONSEP, ANALISIS DAN APLIKASI PRAKTIKAL



BUTIRAN PROGRAM

FAKULTI	TARIKH/MASA	YURAN *	MOD LATIHAN
Meenachi Muniandy (Jessica)	3 - 4 November 2026 9.00AM - 5.00PM	RM3,200 USD800 Yuran program boleh dituntut sepenuhnya (100%) di bawah skim HRD Corp. Tertakluk kepada terma dan syarat.	Secara Bersemuka @ Asia School of Business

Nota: *

- Tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 8%.
- Yuran tidak termasuk penginapan di ASB Residential (Kediaman ASB) bagi peserta luar kawasan / luar negara; namun penginapan boleh diuruskan dengan kos tambahan.
- Harga dalam USD adalah harga anggaran sahaja. Semua yuran akan diinvois dalam Ringgit Malaysia (RM). Amaun dalam USD dipaparkan sebagai rujukan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran semasa pada tarikh pembayaran.

Gambaran Keseluruhan Program

Kursus dua hari ini bertujuan untuk memberikan pemahaman menyeluruh dan praktikal mengenai indikator ekonomi utama yang digunakan bagi menilai prestasi dan hala tuju ekonomi negara. Melalui kursus ini, peserta akan diperkenalkan kepada konsep asas ekonomi serta kepentingan indikator ekonomi seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), inflasi, kadar pengangguran, kadar faedah, imbalan perdagangan dan kadar pertukaran mata wang.

Kursus ini juga memberi penekanan kepada cara membaca, mentafsir dan menganalisis data ekonomi secara berkesan, serta memahami hubungan antara indikator ekonomi dengan keputusan perniagaan, pelaburan dan dasar awam. Pada akhir program, peserta dapat menggunakan maklumat ekonomi dengan lebih yakin, mengelakkan salah tafsir data ekonomi, serta membuat keputusan yang lebih bermaklumat berdasarkan trend dan keadaan ekonomi semasa.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir program ini, peserta akan dapat:

- Menjelaskan fungsi dan kepentingan setiap indikator ekonomi
- Membaca laporan ekonomi dengan yakin
- Menggunakan indikator ekonomi sebagai alat sokongan semasa membuat keputusan
- Menganalisis kesan perubahan ekonomi terhadap organisasi atau industri

Siapa Yang Perlu Hadir

- Eksekutif dan pengurus bukan berlatar belakang ekonomi
- Usahawan dan pemilik perniagaan
- Pegawai sektor awam dan pembuat dasar
- Pelajar universiti (ekonomi, perniagaan, kewangan)
- Penganalisis perniagaan dan pelaburan peringkat permulaan
- Sesiapa yang ingin memahami laporan dan berita ekonomi dengan lebih baik

Rangka Program

Hari Pertama

Sesi 1: Pengenalan Kursus dan Gambaran Keseluruhan Ekonomi

- Penerangan mengenai objektif kursus, skop pembelajaran dan kepentingan memahami ekonomi dalam konteks semasa. Peserta juga akan diperkenalkan kepada konsep asas ekonomi makro dan peranan indikator ekonomi dalam menilai prestasi ekonomi negara.

Sesi 2: Indikator Ekonomi: Definisi, Fungsi dan Kepentingan

- Perbincangan mengenai maksud indikator ekonomi, jenis-jenis indikator ekonomi serta bagaimana ia digunakan oleh kerajaan, sektor swasta dan pelabur. Sesi ini membantu peserta memahami mengapa data ekonomi penting dalam membuat keputusan.

Sesi 3: Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Pertumbuhan Ekonomi

- Penerangan tentang konsep KDNK, kaedah pengiraan, perbezaan KDNK nominal dan sebenar serta cara mentafsir kadar pertumbuhan ekonomi. Sesi ini turut membincangkan kekuatan dan kelemahan KDNK sebagai ukuran prestasi ekonomi.

Sesi 4: Inflasi, Indeks Harga Pengguna (CPI), Indeks Harga Pengeluar (PPI) dan Indeks Kos Sara Hidup

- Sesi ini membincangkan maksud inflasi, punca inflasi, kaedah pengukuran melalui CPI serta kesannya terhadap kuasa beli, perniagaan dan kehidupan harian. Peserta akan belajar cara membaca kadar inflasi dengan betul.

Sesi 5: Pasaran Buruh dan Kadar Pengangguran

- Penerangan mengenai jenis-jenis pengangguran, cara kadar pengangguran diukur serta hubungannya dengan pertumbuhan ekonomi dan produktiviti negara. Contoh situasi sebenar akan dibincangkan.

Hari Kedua

Sesi 1: Kadar Faedah dan Dasar Monetari

- Penerangan mengenai peranan bank pusat, mekanisme kadar faedah dan bagaimana dasar monetari mempengaruhi inflasi, pelaburan, pinjaman dan pertumbuhan ekonomi.

Sesi 2: Imbangan Perdagangan, Eksport dan Import

- Sesi ini menjelaskan konsep perdagangan antarabangsa, imbangan perdagangan, faktor yang mempengaruhi eksport dan import serta kesannya terhadap ekonomi negara dan nilai mata wang.

Sesi 3: Jenis indikator Ekonomi: *Leading, Coincident and Lagging*

- Perbincangan mengenai klasifikasi indikator ekonomi, contoh setiap jenis dan bagaimana ia digunakan untuk meramal, menilai dan mengesahkan prestasi ekonomi.
- Latihan praktikal menggunakan data ekonomi sebenar untuk mengenal pasti trend, membuat kesimpulan dan memahami implikasi ekonomi terhadap perniagaan atau organisasi.

Bahan Dan Peralatan Yang Disediakan

- Slaid pembentangan
- Glosari istilah ekonomi (mudah difahami)
- Contoh laporan ekonomi sebenar
- Dataset ringkas untuk latihan analisis

Fakulti



Dr Meenachi merupakan Profesor Adjung di Iclif Executive Education Center, Asia School of Business. Beliau adalah bekas Pengarah Kanan di Kementerian Pelaburan, Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang bertanggungjawab menyelia perkara-perkara berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi sektor pembuatan. Sebelum berkhidmat di MITI, beliau pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan selama 19 tahun, dengan penglibatan utama dalam perancangan, analisis serta penyediaan pelbagai kertas dasar dalam bidang ekonomi serta membuat unjuran ekonomi negara. Pada tahun 2020, beliau telah dipinjamkan ke Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya sebagai Pensyarah Kanan selama tempoh dua tahun.

Dari segi akademik, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Malaya pada tahun 1996, diikuti Diploma Pascasiswazah Pentadbiran Awam pada tahun 2001. Seterusnya, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Dasar Awam (Ekonomi) dari Jepun pada tahun 2007 serta Ijazah Doktor Falsafah (Ekonomi) daripada Universiti Monash, Melbourne pada tahun 2015. Pada masa ini, Dr Meenachi merupakan Profesor Madya di Fakulti Sains Sosial, Universiti Nottingham Malaysia.



Asia School of Business (DU046(W))

Iclif Executive Education Center

ASB Academic, No 11, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Email: ExecEd@asb.edu.my

exec.asb.edu.my



[asbiclif](#)



[@asb.iclif](#)



[asbiclif](#)



[asb iclif](#)

SCAN ME



Indikator Ekonomi: Konsep,
Analisis dan Aplikasi Praktikal

